

13/08/1999

Ekspo Cintai Malaysia '99 tawar harga berpatutan

KUALA LUMPUR, Khamis - Ekspo Cintai Malaysia '99 yang bermula esok hingga 22 Ogos depan dijangka menerima sambutan menggalakkan segenap lapisan masyarakat.

Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI), Kerk Loong Sing, berkata selain mempamerkan pelbagai barangan dan perkhidmatan tempatan, ekspo itu turut menawarkan barangan pada harga berpatutan.

"Orang ramai perlu mengunjungi ekspo berkenaan kerana mereka boleh mendapatkan pelbagai barangan keperluan dengan potongan harga antara 10 hingga 70 peratus," katanya di sini, hari ini.

Sambil membeli belah, katanya, pengunjung ekspo berpeluang memenangi hamper pelbagai barangan buatan Malaysia bernilai lebih RM30,000.

Beliau berkata, nama pengunjung bertuah yang memenangi hadiah berkenaan juga akan dicatatkan dalam Malaysia Book of Records sebagai penerima hamper terbesar di negara ini.

"Pertandingan itu terbuka kepada semua pengunjung ekspo yang berusia 18 tahun ke atas tetapi mereka yang ingin menyertainya perlu mengemukakan resit pembelian bernilai RM100 kepada pihak penganjur bagi mendapatkan borang rasmi penyertaan.

"Bagaimanapun, syarat berkenaan tidak dihadkan kepada satu resit saja sebaliknya orang ramai boleh menggunakan resit berasingan bagi mencukupkan nilai RM100 yang disyaratkan," katanya.

Ekspo Cintai Malaysia '99 adalah usaha sama kerajaan, industri dan media massa bagi menggalakkan rakyat membeli barangan tempatan di samping berbelanja dalam negara.

Ia antara lain mempamerkan barangan dan perkhidmatan seperti perabot, kraftangan, tembikar, barangan elektrik, industri hartanah dan pembinaan, pakaian, makanan dan minuman, barangan kulit, teknologi maklumat, bahan binaan, pendidikan, barangan plastik dan peralatan sukan.

Seramai 600 usahawan tempatan akan menyertai ekspo 10 hari itu. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual merasmikan ekspo berkenaan 14 Ogos ini.

Selain itu, 12 akhbar tempatan termasuk kumpulan akhbar The New Straits Times turut dijemput memberikan sokongan.

Ekspo julung kali itu diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia (MINES) dekat sini. Orang ramai boleh mengunjunginya dari jam 10 pagi hingga 11 malam.

(END)